

# Revolusi Internet dan Ke

Oleh MOHD IZRANUDDIN JELANI

**B**ERBICARA tentang Internet, pelbagai definisi diberikan. Ada yang berhujah, Internet sebagai satu saluran komunikasi. Ada pula yang mentakrifkannya sebagai media, malah, sesetengah idea turut menyatakan bahawa Internet itu diri kita sendiri. Alasannya, kitalah yang membuat pilihan cara mana mahu menggunakan alat itu untuk kebaikan atau keburukan.

Sesetengah masyarakat begitu bimbang dengan kemunculan alat komunikasi terbaru ini. Ada pula yang mengatakan bahawa ia perkara biasa dan tidak perlu dibimbangkan. Mereka bimbang kerana Internet mempunyai ciri-ciri interaktif dan kesannya amat berpengaruh. Sama ada bimbang atau tidak, kedatangannya tidak boleh disekat.

Ketika televisyen diperkenalkan dahulu pun, golongan yang mempertahankan budaya begitu bimbang ia akan merosakkan nilai dan budaya masyarakat. Namun, perkembangan industri satelit hari ini, kita tetap menerima pelbagai saluran baru. Kuasa yang ada pada kita ialah membuat pilihan. Jika difikirkan tidak memberi faedah, kuasa membuka atau menutupnya ada pada jari kita.

Internet merupakan segmen media yang paling pantas berkembang. Berjuta pengguna menggunakannya seperti mana kemudahan telefon atau televisyen. Ramai pengguna Internet tidak sanggup memisahkan diri dari penggunaan World Wide Web (WWW) dan emel dalam masa sehari pun. Internet telah menjadi sebahagian daripada norma kehidupan, terutama proses komunikasi dan mendapatkan sumber berita.

Kesannya, statistik menunjukkan kira-kira 900,000 rakyat Malaysia mendaftar dengan Hotmail, perkhidmatan email percuma yang berpangkalan di Amerika yang kini menjadi milik penuh Microsoft, sejak perkhidmatan itu diperkenalkan pada pertengahan 1996.

Statistik itu menjadikan Malaysia sebagai negara keempat atau kelima terbesar yang mempunyai kumpulan pengguna Hotmail yang berdaftar di dunia.

Yahoo pula mendakwa kumpulan pengguna Malaysia adalah pengguna Yahoo yang terbesar di Asia, mendahului Jepun. Geocities, Xoom dan Tripod adalah tiga tapak web Amerika yang mempunyai berpuluh-puluh ribu pelanggan Malaysia.

Tidak dinafikan bahawa kebanyakan teknologi terbaru dalam masyarakat, termasuk



Internet, sudah pasti akan mengancam status quo dan norma kehidupan yang kita jalani sejak sekian lama. Pada masa yang sama, kewujudan Internet turut mewarnai masyarakat. Melihat perkembangan ini, Internet bakal melahirkan generasi baru, kanak-kanak dan orang dewasa yang akan mempunyai lebih kebebasan berfikir dan ia akan memberi kesan besar kepada masyarakat.

Melalui proses komunikasi yang pantas dari segenap ceruk dunia, Internet seharusnya menjadi alat mengelakkan pemikiran stereotaip, dan pandangan setiap individu diadili secara saksama tanpa mengira agama, bangsa, budaya atau jantina.

Kita sebenarnya sedang menuju kepada



ekonomi berasaskan pengetahuan. Dalam ekonomi ini, isu paling utama bukan lagi difokuskan kepada pengagihan kekayaan, tetapi pengagihan dan penyebaran maklumat serta media yang digunakan bagi menghasilkan kekayaan. Di sini Internet menjadi alat utama.

Namun, beberapa peristiwa penyalahgunaan

Berita Harian - Microsoft Internet Explorer provided



## Berita Harian Online

Rabu, 05 Mac 2003  
 bharian.com.my | NSTP e-Media | Siapa Ka  
 Nasional | Ekonomi | Sukan | Rencana | Hiburan | Kompu  
 Edisi Wilayah | Joran

Cari  
 BERITA UTAMA  
 Maal Hijrah disambut meriah



Pemimpin Islam diseru tola  
 DOHA: Malaysia dijangka menga  
 Sidang Kemuncak Tergempar Per  
 (OIC) di sini hari ini untuk memi


Berita Harian - Micros...  
 i start

Internet yang telah berlaku di kalangan masyarakat Malaysia menunjukkan bahawa ada segelintir pengguna tidak tahu bagaimana mengawal tingkah laku semasa menggunakan medium ini. Pasti penyalahgunaan Internet sebegini telah menimbulkan gambaran negatif kepada pengguna Malaysia. Walau bagaimanapun, dipercayai bahawa isu-isu ini lebih merupakan masalah budaya. Tidak dinafikan, rakyat Malaysia sedang mengalami kejutan budaya dengan ketibaan medium baru ini.

Kalau kita kembali kepada teknik pembelajaran yang telah sekian lama diamalkan, proses belajar dilaksanakan secara eksperimen dan perbuatan. Namun, pengalaman belajar bertahun-tahun tersebut tidak berjaya memandu kita kepada Internet serta budaya yang dibawanya. Justeru Internet didasarkan kepada model lama media, sebab itu sesetengah orang mendapati bahawa Internet adalah suatu fenomena yang menakutkan.

Radio dan TV mengemukakan kaedah pasif bagi komunikasi. Manakala Internet meletakkan lebih tanggungjawab kepada setiap rakyat Malaysia yang menggunakannya. Rakyat tidak lagi hanya sekadar menjadi pengguna maklumat, malah telah menjadi peneroka maklumat dengan perlunya penilaian kandungan sebelum diterbitkan. Norma

# bebasan Bersuara



kebebasan bersuara - hak untuk memberi pandangan, kepada siapa pandangan tersebut ditujukan dan kerahsiaan menggunakan saluran komunikasi, termasuk Internet, daripada diperhatikan atau ditapis.

Ada pendapat menyatakan walaupun Internet sepatutnya bebas tetapi ia tidak sebeb kita berbual dengan jiran. Gambaran yang diberikan ialah berkomunikasi menerusi Internet masih mempunyai halangan, seolah-olah ada orang mengintai kita. Berbual menerusi telefon juga serupa. Kita rasakan macam ada orang mendengar perbualan kita. Semua ini hanyalah gangguan psikologi. Kalau kita menggunakan Internet tanpa tujuan buruk, tidak ada orang yang mahu memerhatikan kita. Tetapi, jika digunakan untuk menghasut, memfitnah dan sebagainya, tidak salah malah seharusnya ada individu yang ingin mengetahui siapa penulisnya. Berbual dengan jiran pun ada halangannya juga. Seandainya berbual mengenai persekolahan anak atau soal kehidupan sehari-hari, biasanya boleh bercakap kuat-kuat. Tetapi, jika ingin bercerita mengenai keburukan orang lain, kenalah "cakap siang pandang-"

tugas yang komplikated dan lebih buruk lagi satu tindakan yang tidak produktif.

Mana-mana kerajaan yang cuba menghalang kebebasan bersuara dan mengenakan cukai ke atas perdagangan elektronik yang digagaskan oleh Internet hanyalah membuang masa mereka sahaja. Rangkaian global komputer peribadi yang disambungkan menerusi talian telefon membolehkan orang biasa untuk berkomunikasi dengan bebas melangkaui sempadan antarabangsa.

Mereka boleh mendapatkan idea daripada seluruh pelosok dunia dan mencari barangan paling murah menerusi Internet, yang satu hari nanti boleh dibeli tanpa perlu membayar cukai. Prospek hebat untuk orang biasa ini bagaimanapun lazimnya dianggap sebagai omongan kosong oleh sesetengah kerajaan. Walaupun kerajaan mungkin tidak tergerak untuk menghalang kebebasan bersuara, mereka akan menunjukkan minat besar apabila diancam dengan kemungkinan akan kehilangan pendapatan daripada cukai.

Mungkin tiada sebarang tindakan yang mereka boleh mereka lakukan mengenai isu ini. Pakar-pakar berkata sebarang cubaan untuk mengawal trafik di Internet akan menemui kegagalan. Dr Bob Glass, pakar teknologi

Sun Microsystems Inc berkata

sebarang usaha oleh kerajaan untuk menghalang ini semua hanyalah membuang masa sahaja. Komputer yang paling berkuasa sekalipun tidak akan mampu meronda talian telefon di seluruh dunia dengan berkesan.

Apa yang penting ialah masyarakat dan negara menggunakan Internet bagi meningkatkan nilai kehidupan kita. Dalam masa yang sama, semua pihak perlu memastikan bahawa proses sosial bagi membentuk sistem nilai tersendiri dilaksanakan sepanjang masa. Keadiln dan kebebasan sosial bergantung kepada bagaimana rakyat Malaysia mengendalikan tiga isu asas, iaitu

pendidikan, teknologi maklumat (termasuk Internet) dan kebebasan bersuara. Secanggih mana sekalipun, jika tidak digunakan sebaik mungkin, tidak ada gunanya dan diumpamakan seperti menjirus air di daun keladi, tiada apa yang boleh dibanggakan di sebalik kebaikan yang ada.

tanggapan dan kaedah asas pemikiran perlu diubah dalam pelaksanaan komunikasi Internet ini.

Bagi golongan yang telah mempunyai capaian Internet, semua maklumat yang ada boleh dicapai - cuma mungkin kita tidak mengetahui di mana, apakah alamatnya dan bagaimana untuk mencarinya. Ini bermakna bahawa seharusnya tidak ada halangan bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan.

Dengan pelbagai jenis maklumat yang wujud dalam Internet, capaian sebenarnya bergantung pada apakah yang ingin dicari. Pasti timbul implikasi, iaitu sama ada maklumat itu betul, dari sumber yang sahih, separuh benar atau sekadar tohmahan dan khabar angin sahaja. Bila kita sampai dalam konteks ini, timbul pula kenyataan bahawa setiap rakyat mempunyai hak awam. Dari segi takrif, hak awam secara umumnya merangkumi kebebasan. Terma ini juga termasuk tanggungjawab yang dipikul oleh setiap rakyat terhadap negara.

Secara khusus, Internet telah memberi kesan terhadap hak rakyat Malaysia melalui isu kebebasan dan kerahsiaan. Ini bermakna memang kerajaan Malaysia menghormati hak

pandang".

Kebebasan bersuara sepatutnya didasarkan kepada nilai-nilai moral yang sesuai dengan agama dan budaya warisan. Internet membawa pelbagai dorongan dari segenap ceruk dunia dan latar belakang budaya. Pastinya tidak semua nilai dan kandungan yang dibawa tersebut bersesuaian dengan keperluan rakyat dan negara. Pada masa yang sama, untuk menghadkan capaian teknologi ini, serta menghalang cetusan idea baru merupakan satu

